



# KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

# SIARAN MEDIA

MOD.100-2/1/2 Jld 6 (77) 05/11

## KARNIVAL CIMIC BUKTI KEUTUHAN KERJASAMA AWAM-TENTERA DALAM MEMPERTAHANKAN KEDAULATAN NEGERI SABAH, NEGERI DIBAWAH BAYU

1. **SABAH, 10 November 2024** – Menteri Pertahanan, YB Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin telah merasmikan **Program Karnival Kerjasama Awam-Tentera (CIMIC) Tahun 2024** di Balai Cerap Al-Biruni, Putatan, Kota Kinabalu, hari ini.
2. Program ini adalah merupakan anjuran bersama Kementerian Pertahanan Malaysia (MINDEF) bersama Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang turut melibatkan beberapa agensi-agensi keselamatan dan awam termasuk kerajaan Negeri Sabah.
3. **Objektif penganjuran** adalah bagi **mengeratkan hubungan antara tentera dan masyarakat awam** terutamanya di Negeri Sabah di bawah bayu, **memupuk semangat patriotisme** dalam mempertahankan kedaulatan negara serta **memberikan pendedahan berkenaan tugas dan peranan ATM** kepada masyarakat awam.
4. Berlangsung semasa karnival adalah sesi **penyampaian sumbangan kotak rezeki kepada 1,000 penerima bagi penduduk di sekitar Daerah Putatan** dan **penyampaian hadiah Larian Muhibah** yang telah disertai oleh lebih 500 peserta melibatkan warga ATM dan penduduk awam di Sabah.
5. Berteraskan kerjasama awam-tentera, karnival ini juga mempersembahkan **demonstrasi keupayaan ATM** dan agensi keselamatan yang disusun dalam bentuk *pocket show* termasuk persembahan Tempur Tanpa Senjata (TTS), persembahan Drumline dan Tarian Perang serta persembahan brassband ATM, dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).
6. Turut berlangsung adalah **pameran kenderaan perisai** seperti AV8 Gempita dan HMAV Lipan Bara, dan Helikopter EC 725, **persenjataan** seperti Meriam 105 mm Pack Howitzer, **aset-aset pasukan elit dan pasukan khas** Tentera Darat Malaysia (TDM), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).
7. Selain pameran aset ketenteraan, program karnival CIMIC ini juga memberikan peluang kepada masyarakat setempat untuk mendapatkan pelbagai pendedahan berkenaan kerjaya dalam bidang ATM dan badan-badan keselamatan kerajaan yang lain melalui pameran reruai yang disediakan. Seterusnya, ianya akan melahirkan semangat patriotisme dalam masyarakat untuk lebih menjaga tanah air yang tercinta.

8. Dari aspek lain, program-program yang dianjurkan ini telah menunjukkan tahap disiplin dan dedikasi yang tinggi warga ATM dan agensi-agensi keselamatan dalam mempertahankan keamanan selain usaha mendekati masyarakat awam bagi memupuk semangat kesatuan di antara warga tentera dan masyarakat
9. Usaha ini adalah merupakan aspirasi yang telah dibawa di dalam Kertas Putih Pertahanan yang menggariskan bahawa keselamatan negara adalah tanggungjawab bersama melibatkan semua lapisan masyarakat dan agensi kerajaan melalui prinsip **Whole of Government Whole of Society (WOGOS)**.
11. Turut hadir adalah Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Datuk Lokman Hakim bin Ali; Panglima Tentera Darat, Jeneral Tan Sri Dato' Wira Muhammad Hafizuddeain bin Jantan; Panglima Medan Timur Tentera Darat, Leftenan Jeneral Datuk Mohd Sofi bin Md Lepi; Ketua Staf Tentera Darat, Leftenan Jeneral Dato' Zaidan bin Atan; Panglima Armada Timur, Laksamana Madya Datuk Hj Muhammad Ruzelme bin Hj Ahmad Fahimy; Asisten Ketua Staf Sumber Manusia Tentera Darat, Mejai Jeneral Dato' Norsham bin Md Tap; Panglima 5 Divisyen, Mejai Jeneral Dato' Noorrul Azril bin Ariffin dan Pegawai-pegawai Kanan ATM dan warga ATM.

**-TAMAT-**

**“MALAYSIA MADANI”  
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”  
“PERTAHANAN NEGARA, TANGGUNGJAWAB BERSAMA”**

---

**Kementerian Pertahanan Malaysia  
Dikeluarkan pada 10 November 2024**